

**UCAPAN**

**Y. BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**NAIB CANSOLOR**

---

**MAJLIS PERASMIAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT  
UTeM 2014**

**26 NOVEMBER 2014 (RABU)  
Dewan Seminar FTMK, 9.00 pagi**

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 752 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Zolkepli bin Buang**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dr. Abdullah bin Hassan**  
Karyawan Tamu, Jabatan Pengajian Media (Book Publishing) Universiti  
Malaya

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Rakan Media, Staf, Para Pelajar,

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita sama-sama berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat UTeM 2014.
2. Di kesempatan ini, saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia **Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan**, Karyawan Tamu, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya ke majlis ini yang bakal berkongsi pengalaman dan pendapat beliau dalam syarahan khas yang bertajuk “Fenomena Bahasa Rojak dalam Pemerkasaan Bahasa Melayu” selepas ini.

3. Untuk makluman hadirin sekalian, sepanjang sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat UTeM 2014, pelbagai program telah diaturkan yang antaranya adalah pertandingan poster, pameran buku, gerai jualan buku-buku terbitan UTeM, pertandingan puisi di kalangan pelajar UTeM yang mana ia turut disertai oleh pelajar antarabangsa, penganjuran forum bertajuk “Kita Cinta, Bahasa Kita” yang disampaikan oleh panel jemputan iaitu Y. Bhg. Dato’ Prof. Teow Kok Seong dari Institut Kajian Etnik UKM, En. Mohamad bin Musip dari Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, dengan moderator Dr. Norliah binti Kudus dan seterusnya program pelancaran dan perkongsian ilmu pada pagi yang amat bermakna ini.
4. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik dan Pejabat Perhubungan dan Pengurusan Canselori di atas komitmen tinggi menyatukan idea, menyempurnakan tugas

bagi memastikan sambutan bulan bahasa ini terlaksana dengan lancarnya sepertimana yang dirancang. Ini adalah satu inisiatif yang amat baik dalam usaha kita untuk menyemarakkan semangat cinta kepada Bahasa Kebangsaan di segenap lapisan masyarakat, bertepatan dengan tema bulan bahasa 2014 iaitu "1 Bahasa 1 Bangsa 1 Negara".

### **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

5. Bulan Bahasa Kebangsaan yang kita raikan saban tahun bukan sekadar satu retorik atau acara tahunan yang biasa-biasa sahaja. Lebih dari itu, sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan adalah sebahagian daripada penceritaan perjuangan yang panjang dalam memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara kita. Saya katakan satu perjuangan kerana Bahasa Melayu

tidak akan berada pada tahap yang terhormat tanpa iltizam dan semangat tinggi para pejuang bangsa kita yang terdahulu.

6. Jika diimbis ketika zaman sebelum negara mencapai kemerdekaan, iaitu ketika era penjajahan Inggeris, Bahasa Inggeris berada pada kedudukan yang amat tinggi. Mereka yang mengikuti pendidikan berteraskan Inggeris dan berkemahiran dalam berbahasa Inggeris biasanya mendapat peluang pekerjaan dan peluang ekonomi yang lebih baik berbanding mereka yang hanya fasih dan berkemahiran dalam bahasa Melayu dan aliran bahasa ibunda yang lain. Namun begitu, bahasa Melayu tetap menjadi bahasa ibunda kaum-kaum yang lain, dan maka dengan itulah segelintir besar penduduk pada masa itu tidak mendapat peluang untuk memajukan diri dan terus dicengkam kemunduran.
7. Walau bagaimanapun, apabila negara kita mencapai kemerdekaan, para pemimpin terdahulu telah bersepakat

menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara, sekali gus menjadi faktor pemersatu antara kaum di Tanah Melayu.

8. Alhamdulillah, usaha ini berkekalan sehingga ke hari ini dan diharapkan berkekalan untuk selamanya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

9. Bahasa Melayu yang kita tuturkan pada hari ini, berakar umbi dari keluarga bahasa Austronesia yang telah digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia, dan persekitarannya sejak melebihi 1 alaf yang lalu. Walaupun asal usul bangsa Melayu yang paling asal belum diketahui secara pasti, tetapi pertumbuhan bahasa Melayu dapatlah dikatakan berasal dari Sumatera Selatan di sekitar Jambi dan Palembang. Rekod terawal bahasa Melayu Kuno ialah sebuah

batu bersurat bertarikh 682 Masihi yang dijumpai di Sumatera Selatan.

10. Selain itu, terdapat juga pengkaji bahasa berpendapat bahawa Bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh sistem bahasa Sanskrit yang wujud ketika abad ke 7, ketika era kegemilangan Bahasa Melayu Kuno. Sebagai bukti, penulisan Bahasa Melayu Kuno telah dijumpai pada Batu-batu Bersurat di beberapa kawasan di Palembang dan Jawa Tengah yang dipenuhi dengan kata-kata peminjam Sanskrit yang bersifat Melayu.
11. Sebagai makluman bersama, terdapat persamaan dalam kosa kata bahasa Sanskrit dan bahasa Melayu seperti kosa kata agama, desa, udara, manakala terdapat pula perkataan Melayu yang memberi maksud yang sama dengan Sanskrit dan bahasa Melayu menerima pakai kedua-duanya. Contohnya suria adalah



perkataan Sanskrit tetapi perkataan Melayunya matahari. Begitu juga raksasa adalah perkataan Sanskrit bagi gergasi.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

12. Masa depan dan survival Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bergantung kepada sikap bangga dan komitmen kita untuk memperjuangkannya. Penggunaan Bahasa Melayu dalam konteks pengajian tinggi adalah penting selaras dengan hasrat kita untuk menjadi dan mengekalkannya sebagai bahasa ilmu tinggi yang setanding dengan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain.
13. Saya percaya usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ini akan memperkukuhkan penggunaan Bahasa Melayu Tinggi merentasi pelbagai bidang dalam IPT. Ia penting agar penggunaan Bahasa Melayu Tinggi tidak hanya dimonopoli

oleh mereka yang berada dalam bidang Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu sahaja, tetapi meliputi bidang-bidang lain termasuk teknikal dan teknologi. Ini pastinya akan memberikan perubahan dan impak yang besar terhadap kedudukan Bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa ilmu yang berwibawa.

14. Dalam konteks UTeM pula, usaha memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi merupakan susulan kepada beberapa langkah dan strategi yang diusulkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum ini, antaranya adalah:

- a) mewajibkan semua kursus wajib Universiti dikendalikan dalam Bahasa Melayu seperti Kursus Kenegaraan Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara, Hubungan Etnik dan lain-lain;

- b) meletakkan sasaran 30% pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu bagi gugusan sains pada 2020; dan
- c) mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil Kursus Bahasa Melayu Komunikasi.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian

15. Saya berharap Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan terus diperkasakan dan diletakkan pada satu tahap yang tinggi dalam hati dan sanubari kita supaya kita dapat memperbetulkan persepsi selama ini yang mengatakan bahawa Bahasa Melayu hanya dikaitkan dengan taraf kehidupan yang rendah, iaitu bahasa yang hanya dituturkan oleh mereka yang tidak berpendidikan tinggi.

16. Dalam masa yang sama juga, ia tidak bermakna kita perlu meminggirkan peranan dan penggunaan Bahasa Inggeris terutamanya di kampus. Proses memperkukuhkan Bahasa Inggeris di UTeM akan sentiasa berjalan terutamanya dalam usaha kita meningkatkan lagi kualiti dan kebolehpasaran graduan.

Burung tempua terbangnya rendah,  
Hinggap sebentar di dahan sena,  
Bahasa Melayu bahasa yang indah,  
Terungkap kata seribu makna.

Pulau Sendayu di atas peta,  
Hendak dituju bersama teman,  
Bahasa Melayu bahasa kita,  
Tetap gemilang zaman berzaman

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat UTeM 2014

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.